



# MANUAL PENGURUSAN **PENGIRAAAN** **ZAKAT**

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)  
JABATAN PERDANA MENTERI



# **MANUAL PENGURUSAN PENGIRAAAN ZAKAT**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**[www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)**

Cetakan Kedua ... 2008

© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

Konsep & reka bentuk:


Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)  
Jalan Chan Sow Lin  
50554 Kuala Lumpur

Tel: 603-92366909/10  
Faks: 603-92230397



## ***PERUTUSAN***

Y.B. MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI



**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Segala pujian bagi Allah S.W.T., Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga Baginda, sahabat dan seluruh mukminin yang memperjuangkan syariat Islam dan agama Allah di mayapada ini.

Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kudrat dan iradat-Nya, Manual Pengurusan Pengiraan Zakat (MPPZ) ini dapat diterbitkan. Sesungguhnya, usaha berterusan tanpa jemu yang dilakukan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dalam memantapkan tadbir urus terbaik pengurusan zakat wajar dipuji dan diberi sokongan sepenuhnya oleh semua pihak.

Siri penerbitan Manual Pengurusan sebegini juga wajar dijadikan contoh oleh Jabatan dan Agensi Islam lain dalam usaha meningkatkan pengetahuan serta memberi nilai tambah pengurusan bidang teras masing-masing. Saya sesungguhnya yakin bahawa penerbitan MPPZ

ini akan dapat melicinkan lagi pengurusan zakat di negeri-negeri selain membantu masyarakat Islam memahami kaedah pengiraan zakat dengan lebih mudah dan jelas.

Selain itu, penerbitan Manual Pengurusan sebegini juga boleh dijadikan panduan oleh MAIN dan pengurus-pengurus zakat dalam menentukan kaedah pengiraan zakat yang seragam di seluruh Malaysia. Ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam kepada masyarakat umum.

Sekali lagi, syabas dan tahniah diucapkan kepada JAWHAR dan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan MPPZ ini. Semoga ia diterima sebagai amalan soleh kita dan mendapat ganjaran yang sewajarnya di sisi Allah SWT, InsyaAllah.

Akhirnya, saya sangat berharap agar MPPZ ini diguna pakai dan dijadikan panduan oleh semua MAIN dalam membuat pengiraan zakat. Sesuatu kaedah atau prosedur kerja itu akan menjadi lebih bermanfaat jika ianya dipraktiskan dan bukan hanya sekadar teratur di dalam buku sahaja. Sokongan padu dan berterusan dari semua MAIN adalah perlu bagi memastikan penyelarasan dan penyeragaman kaedah pengiraan zakat ini dapat direalisasikan. Semoga usaha murni ini akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan ada keseragaman dan penyelarasan dalam pengurusan zakat di negara kita.

Sekian, terima kasih.


والسلام

  
**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI**  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.



## ***SEKAPUR SIRIH***

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**


Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia Nya juga, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dapat menerbitkan Manual Pengurusan Pengiraan Zakat ini.

Adalah diharapkan Manual ini bukan sahaja akan menjadi panduan kepada Majlis Agama Islam Negeri, malahan ianya juga dapat menjadi rujukan kepada umat Islam dalam membuat pengiraan zakat yang teratur dan telus untuk ditunaikan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada JAWHAR yang telah berusaha menerbitkan Manual ini yang sewajarnya menjadi ikutan kepada jabatan Kerajaan yang lain dalam menzahirkan tanggungjawab meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam kepada orang ramai dengan lebih telus dan berkesan, sekaligus meningkatkan imej pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.

Sejajar dengan martabat kesucian Islam, imej institusi Islam di negara ini perlu pemerksaan. Kecemerlangan sesebuah organisasi hanya akan dapat dicapai dan diiktiraf apabila tahap perkhidmatannya melangkaui kebiasaan serta memuaskan semua *stakeholder* dan pelanggannya. Semoga usaha ini mendapat keredhaan dan kerahmatan Allah SWT juga.

والسلام




**TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN**  
**Ketua Setiausaha Negara**



## *SEULAS PINANG*

KETUA PENGARAH  
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran kita rafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya juga dapatlah diterbitkan Manual Pengurusan Pengiraan Zakat (MPPZ). Manual ini merupakan sebahagian dari koleksi siri Manual Pengurusan JAWHAR yang telah dan akan diterbitkan dari semasa ke semasa bagi memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji di negara ini.

Semoga manual ini dapat membantu meningkatkan tahap perkhidmatan yang diberikan oleh institusi pengurusan zakat kepada orang ramai dan sekaligus dapat meningkatkan tahap keyakinan pembayar zakat terhadap prestasi organisasi yang mengurus hal ehwal zakat.


Kini keyakinan orang ramai terhadap organisasi pengurusan zakat, khususnya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Syarikat

Mengurus Zakat (SMZ) kian meningkat. Jumlah kutipan zakat di tahun-tahun kebelakangan ini meningkat begitu ketara, umpamanya kutipan zakat tahun 2005 sebanyak RM573 melonjak kepada RM792 juta pada tahun 2007.

Saya percaya bahawa manual ini akan dapat membantu ke arah penyelarasan dan penyeragaman dalam pengiraan zakat di Malaysia. Dengan itu, pandangan dan teguran semua pihak terhadap kekurangan dan kelemahan manual ini amatlah dialu-alukan bagi memperkemaskannya di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

والسلام

  
**DR. HJ. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji  
Jabatan Perdana Menteri.

# KANDUNGAN

	Muka Surat	
Perutusan Khas Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri	i	
Sekapur Sirih Ketua Setiausaha Negara	ii	
Seulas Pinang Ketua Pengarah JAWHAR	iii	
BAB 1      Zakat Fitrah	1	
- Pengenalan	2	
- Pengertian Zakat Fitrah	2	
- Dalil Pensyariatan Zakat Fitrah	2	
- Syarat Mengeluarkan Zakat Fitrah	2	
- Asas Pembayaran Zakat Fitrah	3	
- Kadar Fitrah	4	
- Waktu Mengeluarkan Fitrah	4	
- Penutup	5	
BAB 2      Zakat Perniagaan	7	
- Pengenalan	8	
- Pengertian Zakat Perniagaan	8	
- Dalil Pensyariatan Zakat Perniagaan	9	
- Syarat Wajib Zakat Perniagaan	10	
- Perkara Asas Dalam Perniagaan	13	
- Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan	15	
- Pelarasan	15	
- Pelarasan Aset Semasa	15	
- Pelarasan Liabiliti Semasa	16	
- Contoh Pengiraan Zakat Perniagaan	17	
- Penutup	22	

BAB 3	Zakat Pendapatan	23
-	Pengenalan	24
-	Pengertian Zakat Pendapatan	24
-	Dalil Pensyariatan Zakat Pendapatan	24
-	Pengertian Gaji	25
-	Pendapatan Bebas	25
-	Pengertian Perolehan	26
-	Syarat Wajib Zakat Pendapatan	26
-	Kadar Zakat Pendapatan	27
-	Kaedah Pengiraan Zakat Pendapatan	27
-	Contoh Pengiraan Zakat Pendapatan	29
-	Penutup	29
BAB 4	Zakat Wang Simpanan	31
-	Pengenalan	32
-	Pengertian Wang Simpanan	32
-	Dalil Pensyariatan Zakat Wang Simpanan	32
-	Syarat Wajib Zakat Wang Simpanan	33
-	Kaedah Pengiraan Zakat Wang Simpanan	33
-	Contoh Pengiraan Zakat Wang Simpanan	34
-	Penutup	35
BAB 5	Zakat Emas dan Perak	37
-	Pengenalan	38
-	Pengertian Zakat Emas dan Perak	38
-	Dalil Pensyariatan Zakat Emas dan Perak	38
-	Syarat Wajib Zakat Emas dan Perak	39
-	Kategori Emas Yang Diwajibkan Zakat	39
-	Nisab dan Kadar Zakat Emas	40
-	Kaedah Pengiraan Zakat Emas	41
-	Nisab dan Kadar Zakat Perak	41
-	Kaedah Pengiraan Zakat Perak	42
-	Contoh Pengiraan Zakat Perak	42
-	Penutup	42

BAB 6	Zakat Pertanian (Padi)	43
-	Pengenalan	44
-	Pengertian Pertanian	44
-	Dalil Pensyariatan Zakat Pertanian	44
-	Syarat Wajib Zakat Pertanian	45
-	Nisab Zakat Pertanian	45
-	Kadar Zakat Pertanian	45
-	Kaedah Pengiraan Zakat Pertanian	46
-	Contoh Pengiraan Zakat Pertanian	46
-	Penutup	47
BAB 7	Zakat Binatang Ternakan	49
-	Pengenalan	50
-	Pengertian Binatang Ternakan	50
-	Dalil Pensyariatan Zakat Binatang Ternakan	50
-	Binatang Ternakan Yang Wajib Zakat	50
-	Syarat Wajib Zakat Binatang Ternakan	51
-	Kaedah Pengiraan Zakat Lembu / Kerbau	51
-	Kadar Pengeluaran Zakat Lembu / Kerbau	52
-	Kaedah Pengiraan Zakat Kambing / Biri-biri	52
-	Kaedah Pengeluaran Zakat Kambing / Biri-biri	53
-	Penutup	53
BAB 8	Zakat Caruman Berkanun	55
-	Pengenalan	56
-	Pengertian Caruman Berkanun	56
-	Syarat Wajib	56
-	Kaedah Pengiraan Zakat Caruman Berkanun	56
-	Penutup	57

BAB 9	Zakat Saham dan Bon	59
-	Pengenalan	60
-	Pengertian Saham	60
-	Kaedah Pengiraan Zakat Saham	60
-	Pengertian Bon	61
-	Kaedah Pengiraan Zakat Bon	62
-	Penutup	62
BAB 10	Zakat Hasil Galian Dan Harta Karun	63
-	Pengenalan	64
-	Pengertian	64
-	Dalil Zakat Hasil Galian	64
-	Syarat Wajib	65
-	Kadar Zakat Hasil Galian	65
-	Kaedah Pengiraan Zakat Hasil Galian	65
-	Contoh Pengiraan Zakat Hasil Galian	65
-	Penutup	65

## BAB 1

### ZAKAT FITRAH



Firman Allah S.W.T.:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَاعْتُوْلَ الزَّكُوْةَ وَمَا تُقْدِمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ

عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ



(البقرة: 110)

Mafhumnya:

Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat; dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan.

(Al-Baqarah: 110)

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat fitrah yang menjelaskan tentang pengertian, dalil, syarat wajib, asas pembayaran, kadar dan waktu pembayarannya.

## Pengertian Zakat Fitrah

Zakat fitrah ialah zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu muslim lelaki dan perempuan yang berkemampuan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

## Dalil Pensyariatan Zakat Fitrah

Hadis Nabi S.A.W. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى الْأَئِمَّةِ مَنْ تَغَيَّرَ أَوْ مَنَّا غَيْرَهُ أَوْ شَغَلَهُ عَلَى كُلِّ حَرْثٍ أَوْ عَبْدٍ تَكَرَّرَ أَوْ لَتَّى مِنَ الْمُسْلِمِينَ  
(رواه مسلم)

Maksudnya :

“Daripada Ibnu Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah saw telah memfardhukan zakat fitrah pada bulan Ramadhan ke atas manusia dengan mengeluarkan satu gantang kurma atau satu gantang gandum ke atas setiap orang yang merdeka atau hamba lelaki atau perempuan muslim.”

(Riwayat Muslim)

## Syarat Wajib Zakat Fitrah

Orang Islam yang wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk diri, keluarga dan tanggungannya hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Mempunyai lebihan makanan atau harta dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya;
- ii. Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir Ramadhan dan masih hidup selepas terbenam matahari;
- iii. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya; dan
- iv. Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadhan.

### Asas Pembayaran Zakat Fitrah

Pembayaran zakat fitrah adalah berdasarkan makanaan asasi daripada jenis yang mengenyangkan. Perkara ini dijelaskan melalui hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Said Al-Khudry :

كُلَّا تُخْرِجُ إِذْ كَانَ فِيَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاءَ الْفِطْرِ عَنْ كُلِّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ  
خُرْقَأْ أَوْ مَتْلُوكٍ صَنَاعَأْ مِنْ طَعَامٍ أَوْ صَنَاعَأْ مِنْ أَوْ قَطِيرٍ أَوْ شَعِيرٍ أَوْ صَنَاعَأْ مِنْ ثَمَرٍ  
أَوْ صَنَاعَأْ مِنْ زَبِيبٍ قَلْمَنْ تَرَزْنْ تُخْرِجُهُ حَتَّىٰ قِيمَةَ عَلَيْنَا مُعَاوِيَةً بْنُ أَبِي سُقِيَّانَ حَاجَأْ أَوْ  
مُعْتَمِرًا قَلْمَنَ النَّاسَ عَلَىٰ الْمَثَبَرِ فَكَانَ فِيمَا كَلَمَ بِهِ النَّاسَ أَنْ قَالَ إِلَيْيَ أَرَىٰ أَنَّ مُؤْمِنَ مِنْ  
سَمَرَاءِ الشَّامِ تَعْدِلُ صَنَاعَأْ مِنْ ثَمَرٍ فَلَخَدَ النَّاسُ بِذَلِكَ قَالَ أَبُو سَعِيدٍ فَمَا أَنَا فَلَادَ أَرَأَيْ  
أُخْرِجَهُ كَمَا كُلَّتْ أُخْرِجَهُ أَبَدًا

(رواه مسلم)

Maksudnya :

*"kami para sahabat ketika bersama Rasulullah S.A.W. sering mengeluarkan zakat fitrah daripada setiap orang yang kecil dan besar, merdeka atau hamba satu gantang makanan atau satu gantang keju atau satu gantang syair (gandum) atau satu gantang tamar atau satu gantang zabib (anggur kering). Kami terus berbuat demikian sehingga datang Muawiyah bin Abi Sufian bagi mengerjakan amal ibadat haji atau umrah, kemudian beliau menyampaikan ucapannya di atas mimbar. Dalam ucapannya kepada*

*orang ramai beliau berkata: Saya berpendapat, bahawa dua mud (cupak) gandum Sham (Syria) menyamai satu sha' (gantang) tamar. Setelah itu, masyarakat pun berbuat demikian. Abu Said juga berkata: manakala aku tetap mengeluarkannya sebagaimana mulanya”*

(Riwayat Muslim)

### Kadar Zakat Fitrah

Kadar zakat fitrah yang wajib dikeluarkan adalah satu gantang Baghdad iaitu lebih kurang 2.7 kg beras atau nilai yang sama dengannya. Nilai ini berdasarkan ketentuan oleh pihak-pihak berkuasa agama negeri. Kadar bayaran zakat adalah berdasarkan nilai harga beras seberat 2.7 kg.

### Waktu Mengeluarkan Zakat Fitrah

Zakat fitrah wajib ditunaikan bermula dari awal Ramadhan sehingga sembahyang sunat hari raya Aidilfitri. Waktu yang afdhal ialah selepas terbenam matahari pada akhir Ramadhan sehingga sebelum sembahyang sunat hari raya Aidilfitri, berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah :

فَمَنْ أَذَاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ وَمَنْ أَذَاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ  
(رواه ابن ماجه)

Maksudnya:

*“Maka sesiapa mengeluarkan (fitrah) sebelum sembahyang Hari Raya maka itulah zakat yang diterima dan sesiapa mengeluarkannya sesudah sembahyang Hari Raya maka pengeluarannya itu merupakan sedekah sahaja”.*

(Riwayat Ibnu Majah)

## **Penutup**

Zakat fitrah difardhukan di Madinah pada bulan Syawal tahun kedua Hijrah, ia juga dikenali sebagai zakat badan. Pensyariatan zakat fitrah menggalakkan umat Islam untuk saling membantu antara satu sama lain dan dengan itu meningkatkan lagi hubungan ukhuwah antara sesama muslim.



## BAB 2

# ZAKAT PERNIAGAAN



Firman Allah S.W.T.:

إِنَّمَا أَنْهَاكُمْ عَنِ الصَّلَاةِ مَا تَنْفَعُونَ فَلَا يَأْتُكُمْ يَوْمَ الْحِسَابِ إِذَا مَا كُنْتُمْ بِهِمْ تَذَكَّرُونَ  
وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ

وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

﴿١٣﴾

(المجادلة: 13)

Mafhumnya:

Adakah kamu takut (akan miskin) kerana kamu bersedekah sebelum kamu mengadap? Kalau kamu tidak melakukannya, dan Allah maafkan kamu maka dirikanlah sembahyang, berikanlah zakat, serta taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui akan segala yang kamu lakukan.

(Al-Mujaadalah: 13)

## Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai pengertian zakat perniagaan, bentuk-bentuk, dalil, perkara-perkara asas dalam perniagaan dan kaedah pengiraannya. Beberapa contoh diberikan bagi memudah dan menjelaskan lagi pemahaman.

### Pengertian Zakat Perniagaan

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada ada yang melibatkan barang atau perkhidmatan.

Bentuk-bentuk perniagaan ialah:

i. **Perniagaan Persendirian (Tunggal)**

Perniagaan ini dimiliki oleh seorang pemilik secara persendirian. Modal perniagaan adalah terdiri dari wang simpanan sendiri dan pinjaman. Sumber kewangan lain ialah sewa beli, pajakan dan kredit perdagangan. Pemilik juga berkuasa penuh ke atas perniagaannya.

ii. **Perniagaan Perkongsian**

Perniagaan perkongsian yang terdiri daripada lebih dari seorang yang bergabung untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Modal perniagaan diperolehi daripada sumbangan rakan kongsi. Keuntungan diagihkan mengikut peratusan jumlah modal yang disumbangkan masing-masing.

iii. **Perniagaan Syarikat**

Syarikat adalah entiti yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Ianya adalah entiti yang berasingan dengan pemilik. Syarikat adalah terdiri dari Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad.

#### iv. Koperasi

Koperasi merupakan satu bentuk organisasi perniagaan yang dibentuk oleh sekumpulan orang dengan sukarela berasaskan hak-hak yang sama demi kepentingan bersama. Modal koperasi terdiri daripada yuran dan unit-unit saham yang dimiliki oleh anggotanya.

#### Dalil Pensyariatan Zakat Perniagaan

Firman Allah S.W.T. :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَفْقُوا مِنْ طَبَابِتٍ مَا كَسْبَتُمْ وَمَمَّا لَخَرَجَنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَلَا  
تَيَمَّمُوا الْخَيْثَ مِنْهُ تَنْفِقُونَ وَلَا سُمَّ يَأْخُذُهُ إِلَّا أَنْ تَعْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ  
غَنِيٌّ حَمِيدٌ.

(البقرة: 267)

Mafhumnya :

*"Wahai orang yang beriman, belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamujadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi sentiasa Terpuji."*

(Al-Baqarah: 267)

Hadis Nabi S.A.W. :

فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا أَن نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي تَعْدُهُ لِلْبَيْعِ.  
(رواه أبو داود)

Maksudnya :

"Maka sesungguhnya, Rasulullah S.A.W. menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada harta yang kami sediakan untuk dijual"

(Riwayat Abu Daud)

## Syarat Wajib Zakat Perniagaan

### i. Muslim

Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam dan menjadi kewajipan ke atas setiap muslim. Perniagaan yang mempunyai pemilikan modal yang bercampur antara Muslim dengan bukan Muslim, taksiran dibuat kepada entiti keseluruhannya tetapi hanya bahagian pemilikan orang Islam yang diwajibkan zakat.

### ii. Harta dan Perkhidmatan yang Halal

Harta-harta yang halal sahaja yang diwajibkan zakat. Semua harta yang haram, sama ada dari segi zatnya seperti arak dan khinzir ataupun perniagaan yang menjalankan aktiviti yang haram seperti perjudian dan riba adalah tidak diwajibkan zakat. Bagi entiti yang ada percampuran halal dan haram maka bahagian yang halal sahaja yang ditaksirkan zakatnya seperti perbankan dan koperasi Islam.

### iii. Cukup Nisab

Nisab harta perniagaan dan wang ialah sebanyak 20 *mithqal* (25.2259 *mayam* atau 85 gram emas). Ketetapan ini bersandarkan

nilaian mata wang yang berdasarkan emas, kadar zakatnya sebanyak 2.5 peratus setelah genap setahun (haul). Oleh itu, apabila nilai harta perniagaan bersamaan atau melebihi nisab, maka harta tersebut diwajibkan zakat.

Perniagaan yang dijalankan secara perkongsian, nisab perniagaannya ditaksirkan terhadap jumlah keseluruhan nilai harta yang dimiliki oleh perkongsian atau syarikat tersebut. Bagi perkongsian yang melibatkan rakan kongsi bukan Muslim, zakat tetap ditaksirkan secara keseluruhan harta perkongsian tetapi setelah ditaksirkan nilai zakatnya, zakat hanya diwajibkan terhadap pemilik Muslim.

**iv. Cukup haul**

Harta yang dizakatkan hendaklah dikira dari awal perniagaan sehingga genap tempoh satu tahun. Menurut Syafi'iyyah, asas penilaian harta perniagaan adalah dengan mengambil kira keadaan perniagaan pada akhir haul. Haul hanya disyaratkan terhadap harta tertentu seperti harta perniagaan, mata wang, emas, perak dan ternakan.

**v. Harta yang Produktif (al-Nama')**

Harta yang diwajibkan zakat terdiri daripada harta yang boleh berkembang atau berpotensi untuk berkembang, iaitu berupaya untuk menjanakan pendapatan dan keuntungan.

Merujuk kepada penyata kewangan, komponen harta yang berkembang ialah:

- a. Tunai (di tangan atau di bank).
- b. Saham, bon, pegangan sekuriti pada asas kos yang dikelaskan dalam aset semasa. Jika ia dikelaskan sebagai aset tidak semasa, maka harta tersebut dikecualikan zakat.
- c. Inventori barang akhir, iaitu stok niaga atau barang yang telah siap diproses akan ditaksirkan zakat. Stok bahan mentah

serta kerja dalam proses tidak ditaksir kerana ia digunakan untuk pengeluaran barang lain atau akhir.

- d. Aset tetap yang terdiri daripada harta alih dan tak alih (bangunan, mesin dan perabot) tidak diwajibkan zakat. Ia bukan barang perniagaan tetapi membantu menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, hasil yang diperolehi daripada harta tetap adalah tertakluk kepada taksiran zakat seperti pendapatan daripada sewa bangunan, kenderaan dan tanah.
- e. Penghutang bersih perdagangan, iaitu hutang boleh terima yang telah ditolak hutang lapuk. Amaun ini juga mestilah bersih daripada penghutang dagangan yang telah melampaui tempoh lazim hutang.
- f. Bagi kes-kes perniagaan berasaskan perkhidmatan kewangan seperti bank, akaun-akaun deposit adalah sebagai simpanan amanah yang tidak tertakluk kepada kiraan zakat perniagaan bank. Walau bagaimanapun, hasil yang diperoleh daripada pengurusan wang, adalah termasuk dalam taksiran zakat.
- g. Bagi aset bukan semasa seperti pelaburan jangka panjang, ia tidak diwajibkan zakat kecuali atas dividen yang diterima.

**vi. Milik Sempurna**

Harta yang diwajibkan zakat mestilah sempurna milik dari segi pemilikan fizikal (hiyazah) dan pemiliknya berkeupayaan mengurustadbir (tasarruf) harta seperti menjual, menghadiah, menyewa dan seumpamanya terhadap barang tersebut.

**vii. Sumber Harta Perniagaan**

Jumhur ulama (selain Hanafiyah) mensyaratkan harta itu perlu diperoleh dengan cara tukaran seperti jual beli dan sewaan. Jika aset entiti perniagaan diperoleh dengan cara selain tukaran seperti melalui pusaka, hibah atau sedekah, maka ia tidak diwajibkan zakat sehingga barang itu diniagakan.

### viii. Niat untuk Diniagakan

Tujuan atau niat perniagaan mestilah dilakukan ketika memiliki barang sama ada melalui ‘iwad (tukaran atau balasan) atau cara lain dan aset tersebut akan menjadi sebahagian daripada aset yang dipunyai oleh perniagaan dengan tujuan diperniagakan untuk mendapatkan perolehan atau keuntungan. Sesuatu aset atau barang yang pembeliannya tidak bertujuan perniagaan seperti untuk tabung khairat kematian, tujuan pendidikan dan sebagainya, harta tersebut tidak termasuk dalam pengiraan zakat.

Syarat bermiaga ini terikat kepada kewujudan dua elemen, iaitu **niat** dan **amalan**. Niat adalah untuk mendapat keuntungan, manakala amalan ialah menjalankan perniagaan. Kedua-dua unsur ini hendaklah wujud bersama secara berterusan.

### ix. Harta Perniagaan tidak Digunakan untuk Kegunaan Sendiri

Menurut mazhab Syafi'i, Hanbali dan Maliki, apabila sesuatu harta perniagaan yang dimiliki untuk kegunaan sendiri, maka harta itu tidak tertakluk kepada zakat perniagaan tetapi akan dibuat taksiran zakat atas pendapatan individu.

## **Perkara Asas Dalam Perniagaan**

Antara perkara penting yang terkandung dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan ialah seperti berikut:

### i. Aset tetap/Harta tetap

Aset tetap seperti bangunan, kereta, mesin dan perabot yang tidak diniatkan untuk diniagakan adalah dikecualikan daripada zakat. Walau bagaimanapun, hasil yang diperolehi daripada aset tetap yang produktif hendaklah diambil kira di dalam pengiraan zakat.

**ii. Aset bukan semasa**

Aset bukan semasa seperti pelaburan dalam saham dan bon juga dikecualikan daripada zakat kerana ianya bukan diniatkan untuk diperniagakan seperti barang perniagaan. Walau bagaimanapun, hasil yang diperolehi dari pelaburan tersebut seperti dividen hendaklah diambilkira bagi pengiraan zakat kecuali syarikat tempat pelaburan tersebut telah mengeluarkan zakat.

**iii. Aset semasa/Harta semasa**

Aset semasa biasanya terdiri dari tunai di tangan dan di bank, stok barang niaga dan penghutang perniagaan. Aset semasa ini hendaklah diambilkira dalam pengiraan zakat.

**iv. Pelaburan**

Pelaburan meliputi pelaburan jangka panjang dan jangka pendek. Pelaburan jangka pendek diwajibkan zakat, manakala pelaburan jangka panjang tidak diwajibkan zakat kecuali hasil-hasil daripada keuntungan pelaburan tersebut seperti dividen dan bonus.

**v. Liabiliti semasa**

Liabiliti semasa adalah hutang atau tanggungan semasa (jangka pendek) syarikat. Contohnya hutang atas pembelian barang perniagaan dan tanggungan operasi. Hanya liabiliti semasa operasi sahaja yang dibenarkan ditolak daripada aset semasa bagi pengiraan zakat. Liabiliti kewangan seperti pajakan modal/kewangan, pinjaman kewangan, cadangan dividen dan overdraf adalah sebagai sumber yang dikenakan zakat.

**vi. Liabiliti jangka panjang**

Liabiliti jangka panjang adalah hutang yang melangkaui setahun dan kebiasaannya adalah pembiayaan bagi memperolehi aset tetap seperti pembiayaan pembelian bangunan, kenderaan dan mesin. Ianya adalah sebahagian sumber modal yang dikenakan zakat.

## vii. Modal dan dana pemegang saham

Ianya meliputi modal berbayar dan keuntungan atau kerugian terkumpul. Modal dan dana ini diambil kira dalam pembayaran zakat.

### **Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan**

Terdapat dua (2) kaedah pengiraan zakat perniagaan :

- i. Kaedah Modal Kerja
- ii. Kaedah Modal Berkembang

#### ***Kaedah Pertama – Modal kerja***

$[(\text{Aset Semasa} - \text{Tanggungan Semasa}) +/- \text{Pelarasan}] \times \% \text{ pemilikan Saham Muslim} \times 2.5\%$

#### ***Kaedah Kedua – Modal Berkembang***

$[(\text{Ekuiti pemilik} + \text{Liabiliti Jangka Panjang} - \text{Aset Tetap} - \text{Aset Bukan Semasa}) +/- \text{Pelarasan}] \times \% \text{ pemilikan Saham Muslim} \times 2.5\%$

### **Pelarasan**

Pelarasan yang terlibat dalam pengiraan di atas adalah bersumberkan hujah dan asas berikut :

#### **Pelarasan Aset Semasa:**

- i. Ditolak daripada aset semasa :
  - a. Barang-barang tidak wajib zakat hendaklah dikeluarkan seperti barang-barang dan hasil yang haram seperti riba, judi dan arak.

- b. Bukan milik sempurna seperti deposit sewa, air, telefon, elektrik dan lain-lain deposit.
  - c. Penghutang kewangan.
  - d. Nilai dividen yang telah dibayar zakat oleh syarikat yang dilabur.
  - e. Harta semasa yang tidak produktif seperti hutang lapuk, stok lopus, susutnilai yang ketara dan kekal.
  - f. Tabung-tabung yang bersifat kebajikan seperti tabung khairat dan pendidikan.
  - g. Stok bahan mentah dan kerja dalam proses.
- ii. Dicampur kepada aset semasa :

Semua sumbangan, derma dan sedekah yang dibuat pada akhir haul (3 bulan terakhir) kecuali jika sumbernya dari tabung kebajikan.

#### **Pelarasan Liabiliti Semasa:**

Dicampur kepada liabiliti semasa :

- a. Bukan berbentuk operasi perniagaan iaitu pinjaman kewangan (financial loans) dan pengkelasan semula pinjaman berjangka.
- b. Dividen yang dicadangkan (dividen payable)
- c. Overdraft.
- d. Pajakan kewangan/modal.

**Contoh pengiraan:****i. Pengiraan zakat perniagaan persendirian (tunggal)**

**JAWHAR Enterprise**  
**Lembaran Imbangan Pada 31 Disember XXXX**

	<b>RM</b>
<b>A. Aset Yang Diwajibkan Zakat Pada Tarikh Cukup Haul</b>	
1. Tunai dan Setara Tunai (Akaun Simpanan, Akaun Semasa dan lain-lain)	30,000
2. Stok barang jualan (anggaran jika tiada rekod tepat)	50,000
3. Pengutang dagangan (anggaran yang diyakini kutipan sahaja)	15,000
<b>Jumlah Aset Diwajibkan Zakat</b>	<b>95,000</b>
<b>B. Hutang Perniagaan Pada Tarikh Cukup Haul (Ditolak daripada nilai aset)</b>	
1. Pembekal stok jualan (nilai hutang kepada semua pembekal)	20,000
2. Belanja operasi belum bayar (sewa kedai, bil utiliti dan sebagainya)	10,000
3. Tolakan lain : Pendapatan Faedah Bank Konvensional	5,000
<b>Jumlah Tolakan</b>	<b>35,000</b>
<b>C. Nilai Bersih Aset Diwajibkan Zakat (C = A – B)</b>	<b>60,000</b>
1. Jumlah Zakat = Nilai C darab 2.5%	1,500

**ii. Pengiraan zakat perniagaan perkongsian**

	<b>RM</b>
<b>LANGKAH PERTAMA : ASET SEMASA BERSIH (PADA TARIKH PENYATA KEWANGAN)</b>	<b>250,000.00</b>
A	
<b>PELARASAN ITEM-ITEM DI ASET SEMASA (TOLAKAN)</b>	
<b>Pelarasan kerana tidak sempurna milik</b>	
Prabayar seperti prabayar belanja insurans, cukai atas aset dan kenderaan kerana ia adalah aset pakai habis	3,000.00
Pendahuluan / Deposit bertujuan untuk membeli aset tetap	3,500.00
Pelbagai deposit untuk telefon, air, elektrik dan Sewa bangunan	1,500.00
Hasil sewaan Aset Tetap yang belum diterima	1,000.00
Hasil dari Aset Bukan Semasa yang belum diterima (contohnya hasil dividen dan seumpamanya)	2,500.00
Penghutang Kewangan (tidak tertakluk kepada sebarang tempoh bayaran semula)	2,800.00
Deposit tetap bank, Sekuriti Boleh Pasar (atau sebarang bentuk aset semasa) yang dicagarkan untuk kemudahan kewangan	15,000.00
Tunai dan Setara Tunai yang penggunaannya tertakluk kepada syarat-syarat tertentu (tidak bebas sepenuhnya)	13,000.00
Amaun ter hutang daripada syarikat induk / subsidiari / syarikat bersekutu (Tiada tempoh bayaran tetap)	13,500.00
Penghutang Dagangan (melebihi tempoh setahun). Zakat dikira atas nilai sebenar kelak	1,350.00
Cukai Boleh Tuntut (Tax Recoverable)	10,000.00
B	<b>67,150.00</b>

<b>Pelarasan kerana bukan aset yang diniagakan</b>	
Dana Kebajikan	2,000.00
Tabung Persaraan	2,500.00
Tabung Qardhul Hasan / Staff Revolving Credit (Amaun belum guna pada tarikh kunci kira-kira)	3,000.00
Bekalan Pejabat dan Alat Ganti	5,000.00
Aset Bukan Semasa yang dikelaskan semula (untuk dijual)	5,500.00
<b>Pelarasan lain (tidak terdapat dalam perincian Kunci Kira-Kira)</b>	
Dividen yang telah diterima dari sumber yang telah dizakatkan	3,500.00
<b>C</b>	<b>18,000.00</b>
<b>Pelarasan kerana tidak produktif atau bukan menjadi aset yang boleh dijual</b>	
Bahan Mentah / Kerja Dalam Proses	3,300.00
Pengkelasan semula Penghutang Dagangan atau Penghutang Lain (bukan daripada tahun semasa)	3,200.00
Inventori tidak terjual / lambat terjual / usang	3,400.00
<b>D</b>	<b>9,900.00</b>
<b>Pelarasan lain (tidak terdapat dalam perincian Kunci Kira-Kira)</b>	
Dividen yang telah diterima dari sumber yang telah dizakatkan	3,500.00
Hasil faedah dan dividen dari sumber yang tidak syar'ie	3,400.00
<b>E</b>	<b>6,900.00</b>

<b>Tolakan khusus untuk Koperasi, Pertubuhan Peladang Kawasan dan Persatuan Nelayan Kawasan</b>	
Skim Kredit Belum Terima – biasanya dalam koperasi / perniagaan kredit	25,000.00
Kumpulan Wang Pemajuan	3,400.00
Kumpulan Wang Khairat Kematian	2,500.00
Kumpulan Wang Kebajikan Ahli / Kebajikan Am	1,500.00
Kumpulan Wang Biasiswa / Pendidikan	2,000.00
Pinjaman Usahawan Peladang	1,500.00
<b>F</b>	<b>35,900.00</b>
<b>PELARASAN ITEM DI LIABILITI SEMASA (DICAMPUR)</b>	
<b>Instrumen Liabiliti Kewangan Jangka Pendek</b>	
Overdraft, Nota Belum Bayar, Surat Kredit (LC), Bankers Acceptance, Export Credit Refinacing dan sebagainya	<b>27,000.00</b>
<b>Pemiutang Lain seperti :</b>	
Dividen Belum Bayar; Dividen Interim; Pulangan atas yuran; Pulangan atas "simpanan wajib" dan Honorarium Belum Bayar	<b>2,000.00</b>
Amaun Terhutang kepada syarikat induk / subsidiari / syarikat bersekutu dan syarikat berkaitan	<b>2,100.00</b>
Pelbagai deposit diterima (dianggap sumber dan milik sempurna)	<b>3,330.00</b>
Prabayar diterima (dianggap sumber dan milik sempurna)	<b>2,410.00</b>
Cukai Tertunggak – daripada liabiliti operasi menjadi sumber milik sempurna	<b>1,520.00</b>
Liabiliti – liabiliti lain yang tertunggak (ditolak pada tahun ia berlaku) – daripada liabiliti operasi menjadi sumber milik sempurna	<b>1,234.00</b>

<b>Liabiliti Kewangan yang dikelaskan semula (perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan akan datang) :</b>	
Sewa Beli	<b>2,410.00</b>
Pajakan Kewangan	<b>2,140.00</b>
Pinjaman Berjangka (bahagian semasa)	<b>3,140.00</b>
	<b>G</b> <b>47,284.00</b>
<b>Nilai aset yang diwajibkan zakat :</b>	
<b>H=(A-B-C-D-E-F+G)</b>	<b>H</b> <b>159,434.00</b>
Peratus milikan Muslim	<b>I</b> <b>70 %</b>
Kadar zakat 2.5 %	<b>J</b> <b>2.50 %</b>
<b>AMAUZ ZAKAT</b>	<b>H x I x J</b> <b>2,790.10</b>

**Nota :**

Perkara berikut dalam Liabiliti Semasa tidak dikira sebagai Liabiliti Operasi. Oleh itu, ia tidak ditolak daripada Aset Semasa.

- a. Perkara yang memenuhi sifat sebagai sumber kewangan atau liabiliti kewangan.
- b. Perkara yang merupakan pengkelasan semula (Reclassification). Item tersebut mewakili urus niaga tahun hadapan, bukan mewakili tahun yang ditaksir.
- c. Liabiliti operasi tertunggak daripada tahun sebelum (ditolak pada tahun berkenaan).

**Penutup**

Para ulama telah sepakat tentang kewajipan zakat perniagaan. Rasulullah S.A.W. menegaskan bahawa perniagaan itu merupakan 90% sumber rezeki di dunia dan Baginda pernah menjadi peniaga yang paling berjaya. Peniaga merupakan orang yang berharta, wajarlah zakat diwajibkan ke atas mereka bagi membantu pihak yang tidak berada.

## BAB 3

### ZAKAT PENDAPATAN



Firman Allah S.W.T.:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُنْزِكُهُمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَ  
سَكَنٍ لَّهُمْ وَأَللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

(التوبية: 103)



Mafhumnya:

Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka dan mensucikan mereka dan doakanlah untuk mereka, sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

(At-Taubah: 103)

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat pendapatan yang menjelaskan tentang pengertian, dalil, syarat wajib, kadar zakat dan kaedah pengiraannya.

## Pengertian

Pendapatan termasuklah segala jenis hasil pendapatan atau pulangan sebagai balasan perkhidmatan yang berupa gaji, upah, bonus, dividen, hasil sewaan, royalti, hibah, elaun, honorarium, pampasan, pencen, perniagaan bermusim dan lain-lain bentuk perolehan dan apa juar pendapatan berdasarkan kerjaya atau sebagai ahli profesional.

## Dalil Pensyariatan Zakat Pendapatan

Firman Allah S.W.T. :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنفُقُوا مِنْ طَهَّرَاتٍ مَا كُسْبَتْ  
(آل بقرة: 267)

Mafhumnya :

*“Wahai orang yang beriman, belanjakanlah ( pada jalan Allah ) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik. ”*

(Al-Baqarah: 267)

Sabda Nabi S.A.W. :

وَلَا يَكْسِبُ عَنْدَ مَالًا مِنْ حَرَامٍ فَيُنْفِقُ فِيهِ فَيُبَارَكَ لَهُ فِيهِ، وَلَا يَتَصَدَّقُ بِهِ فَيُعَنَّلُ مِنْهُ، وَلَا  
يَنْرُكُ خَلْفَ ظَهِيرَهِ إِلَّا كَانَ زَادَهُ إِلَى النَّارِ،  
(رواه أحمد)

Maksudnya:

*“ Tidak seorang pun yang bekerja untuk mendapatkan kekayaan dengan jalan haram kemudian ia membelanjakan padanya dengan harapan mendapat berkat daripadanya dan tidak bersedekahlah ia dengannya, dengan harapan ia akan diterima dan tidak pula ia tinggalkannya sebagai harta pusaka ( sesudah ia meninggal ) melainkan dia itu sebagai bekalannya ke neraka. “*

( Riwayat Ahmad )

### **Pengertian Gaji**

Iaitu pendapatan seseorang yang merupakan ganjaran perkhidmatannya dengan sesuatu majikan atau orang perseorangan atau syarikat atau institusi. Pendapatan penggajian merangkumi:

- i. Gaji tahunan
- ii. Tunggakan gaji
- iii. Imbuhan tetap.
- iv. Lain-lain (termasuk bonus atau sesuatu yang boleh dikira sebagai pendapatan yang berkaitan dengan penggajian).

### **Pendapatan Bebas**

Iaitu pendapatan seseorang melalui sesuatu kerja atau usaha kepakaran atau perkhidmatan yang merupakan ganjaran kepada khidmatnya. Pendapatan bebas ini merangkumi:

- i. Khidmat guaman
- ii. Khidmat nasihat
- iii. Juru Perunding
- iv. Rawatan perubatan
- v. Kejuruteraan
- vi. Seniman
- vii. Lain-lain

## Pengertian Perolehan

Perolehan bermaksud pendapatan yang dihasilkan daripada pemilikan harta seperti hasil kebun / ladang, rumah sewa, hasil pajakan tanah dan lain-lain perolehan.

## Syarat Wajib Zakat Pendapatan

Pendapatan wajib dikeluarkan zakat apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

### i. Islam

Zakat hanya diwajibkan ke atas individu Islam. Bagi syarikat atau perniagaan yang mempunyai pemilikan bercampur (bahagian orang Islam dan bukan Islam), hanya bahagian pemilikan orang Islam sahaja yang dikenakan zakat.

### ii. Pemilikan sempurna

Harta yang dikenakan zakat mestalah ada kesempurnaan dari segi pemilikan (hak milik aset) dan keupayaan mengurus iaitu mempunyai kuasa penuh ke atas harta.

### iii. Pendapatan / hasil Yang Halal

Pendapatan dari sumber yang halal. Pendapatan yang diperolehi oleh seseorang dari sumber yang haram seperti riba, perjudian dan seumpamanya hendaklah ditolak dari kiraan pendapatannya yang dizakatkan. Pendapatan-pendapatan dari sumber haram tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri.

### iv. Cukup nisab

Apabila pendapatan bersamaan atau melebihi nilai semasa 85gm emas maka pendapatan tersebut dikenakan zakat.

v. **Haul**

Apabila pendapatan yang disimpan melebihi tempoh setahun.

**Kadar Zakat**

Kadar zakatnya ialah sebanyak 2.5% berpandukan kepada kadar zakat emas kerana gaji dan pendapatan bebas itu diterima dalam bentuk matawang / nilai wang.

**Kaedah Pengiraan Zakat Pendapatan:**

- a. Jumlahkan semua pendapatan untuk tempoh setahun (12 bulan) termasuk gaji, keuntungan perkongsian, sewaan, bonus, elaun dan lain-lain perolehan dan ditolakkan dengan perbelanjaan yang dibenarkan.
- b. Tolakan perbelanjaan yang dibenarkan :

**i. Keperluan asasi**

Iaitu keperluan kekeluargaan yang asas seperti perlindungan, makanan, pakaian dan seumpamanya.

**ii. Perbelanjaan yang dibenarkan**

- a. Diri sendiri
- b. Isteri
- c. Anak-anak
- d. Ibubapa
- e. Lain-lain

Selain daripada tanggungan yang disebut di atas seperti adik-beradik, anak yang di bawah jagaan isteri (yang telah berpisah), anak angkat, orang gaji dan seumpamanya.

### **iii. Simpanan Institusi yang membayar zakat**

Zakat tidak dikenakan lebih daripada sekali atas satu-satu harta. Oleh itu, jika sebahagian daripada pendapatan/gaji tadi disimpan dalam institusi yang membayar zakat seperti Lembaga Tabung Haji, maka jumlah simpanan di institusi tersebut dalam tahun itu hendaklah ditolak.

### **iv. Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**

Sebanyak 11% daripada gaji ditolak untuk dicarumkan ke dalam KWSP. Wang ini tidak lagi menjadi milik si penerima gaji tersebut. Dengan itu, caruman tersebut ditolak kerana belum sempurna miliknya. Kaedah pembayaran zakatnya adalah sebagaimana dijelaskan dalam Bab 5.

### **Contoh Pengiraan Zakat Pendapatan :**

A	PENDAPATAN dari semua sumber seperti elauan, bonus, dividen yang diterima (setahun)			RM 30,000
B	TOLAK PERBELANJAAN yang dibenarkan (setahun)			
1.	Diri			RM8,000
2.	Isteri			RM3,000
3.	Anak 6 orang x RM1,000			RM6,000
4.	Pemberian kepada ibubapa (RM100 x 12)			RM1,200
5.	KWSP 11%			RM3,300
6.	Caruman ke Organisasi/ koperasi yang membayar zakat (cth : Tabung Haji)			RM700
	<b>Jumlah Tolakan</b>			<b>RM21,000</b>
C	PENDAPATAN YANG LAYAK DIZAKAT (A-B)			RM9,000
D	ZAKAT YANG WAJIB DIBAYAR (KERANA C LEBIH DARI NISAB) RM 9,000 X 2.5%			<b>RM225</b>

### **Penutup**

Sejarah ada mencatatkan bahawa pelaksanaan zakat gaji telah dilaksanakan pada zaman pemerintahan Muawiyah bin Abu Suffyan serta Umar bin Abdul Aziz. Pemberian gaji itu dikenali sebagai ‘ataya. Selaras dengan apa yang telah pernah dilaksanakan itu, Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan bahawa Zakat Pendapatan adalah wajib.



## BAB 4

### ZAKAT WANG SIMPANAN



Firman Allah S.W.T.:

فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الْزَكُوْةَ فَإِخْوَانُكُمْ فِي  
الْدِيْنِ وَنُفَصِّلُ آيَتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾  
(التوبه: 11)

Mafhumnya:

Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran), dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama; dan Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui.

(At-Taubah: 11)

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat wang simpanan yang menjelaskan tentang pengertian, dalil, syarat wajib dan kaedah pengiraan berserta dengan contoh-contohnya.

## Pengertian

Zakat wang simpanan merupakan zakat yang dikenakan ke atas wang yang disimpan sama ada dalam bentuk wang kertas, syiling atau yang setaraf dengan emas dan perak di mana ia memberi kuasa beli kepada penggunanya. Zakat wang simpanan adalah merangkumi simpanan di dalam akaun simpanan, simpanan tetap, simpanan semasa serta lain-lain bentuk simpanan.

## Dalil Pensyariatan Zakat Wang Simpanan

Kewajipan zakat wang simpanan ini berlandaskan dalil-dalil Al-Quran dan Hadis Nabi SAW

Firman Allah S.W.T. :

وَالَّذِينَ يَكْرِزُونَ الْأَهْبَةَ وَالْفَسْدَةَ وَلَا يُتَقْبَلُهُنَّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْنَاهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ (34) يَوْمَ يُخْخَى عَلَيْهَا فِي تَلَرِ جَهَنَّمَ فَكُرَرَى بِهَا حِنَاهُمْ وَجْنَوَهُمْ وَظَهَورُهُمْ هَذَا مَا كَلَّرْتُمْ لَأَنْفِكُمْ فَلَوْفُوا مَا كَثُرْتُمْ تَكْرِزُونَ  
التربيه : ( 34 - 35 )

Mafhumnya :

*“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang terpergi sakitnya. (laitu) pada hari dibakar emas dan perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dari mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada*

*mereka): “inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasakanlah (azab dari) apa yang kamu simpan itu”*

(At-Taubah: 34-35)

Sabda Nabi S.A.W. :

وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ يَعْتِي فِي الْذَّهَبِ حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا. فَإِذَا كَانَ لَكَ عِشْرُونَ، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَوْلَهَا نِصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فِي حِسَابِ ذَلِكَ.  
(رواه أبو داود)

Maksudnya:

*“Tiada wajib sesuatu (pada emas) atas engkau sehingga engkau memiliki 20 dinar (85 gram). Apabila engkau mempunyai 20 dinar dan cukup haul, maka wajiblah zakat ½ dinar (2.5 %).”*

(Riwayat Abu Daud)

### **Syarat Wajib Zakat Wang Simpanan**

Syarat wajib zakat wang simpanan adalah sama dengan syarat wajib zakat pendapatan sebagaimana dijelaskan dalam bab sebelum ini.

### **Kaedah Pengiraan Zakat Wang Simpanan**

Pengiraan zakat wang simpanan adalah berdasarkan kepada jumlah baki yang paling rendah pada simpanan-simpanan yang dimiliki setelah *ditolak dengan faedah* (akaun konvensional) dan dicampur dengan *hibah* (akaun wadiyah) yang diterima pada tahun tersebut.

**Contoh pengiraan bagi satu akaun (konvensional) :**

Tarikh	Masuk (RM)	Keluar (RM)	Baki (RM)
01/01/yyyy	10,000		10,000
23/04/yyyy		2,000	8,000
02/07/yyyy	* 200		8,200
10/09/yyyy		2,000	6,200
31/12/yyyy	1,000		7,200

\* faedah

Haul : 01/01/yyyy – 31/12/yyyy  
 Baki Terendah : RM6,200  
 Jumlah yang dikenakan zakat : RM6,200 – RM200 (faedah)  
    = RM6,000  
 Zakat yang dikenakan : RM6,000 x 2.5%  
    RM150

**Contoh pengiraan bagi satu akaun (wadiyah) :**

Tarikh	Masuk (RM)	Keluar (RM)	Baki (RM)
01/01/yyyy	12,000		12,000
23/04/yyyy		3,000	9,000
02/07/yyyy	* 300		9,300
10/09/yyyy		2,000	7,300
31/12/yyyy	1,000		8,300

\* hibah

Haul : 01/01/yyyy – 31/12/yyyy  
 Baki Terendah : RM7,300  
 Jumlah yang dikenakan zakat : RM7,300 (termasuk hibah)  
 Zakat yang dikenakan : RM7,300 x 2.5%  
    RM182.50

### Contoh pengiraan bagi banyak akaun :

Tarikh	Akaun 1	Akaun 2	Akaun 3	Jumlah
01/01/yyyy	2,500	4,000	2,000	8,500
23/04/yyyy	3,000	3,500	500	7,000
02/07/yyyy	2,800	2,300	5,000	10,100
10/09/yyyy	3,800	2,000	3,300	9,100
31/12/yyyy	5,000	1,500	2,300	8,800

Haul : 01/01/yyyy – 31/12/yyyy

Jumlah terendah sepanjang tahun : RM7,000.00

Zakat yang dikenakan : RM7,000.00 x 2.5%  
(Sekiranya melebihi nisab) = **RM175.00**

Nota :

Pihak pendeposit tidak perlu membayar zakat ke atas simpanan di institusi yang telah membayar zakat bagi pihak pendeposit.

### Penutup

Zakat wang simpanan bukan hanya dikira wang yang berada di bank sahaja malah termasuk simpanan yang disimpan di tangan, rumah dan sebagainya sekiranya menepati syarat wajib zakat.



## BAB 5

### ZAKAT EMAS DAN PERAK



Firman Allah S.W.T.:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِيَّاءٌ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْبِلُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكُوَةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّرَ حَمْهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ  
القراءة: 71 (VI)

Mafhumnya:

Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat baik, dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(At-Taubah: 71)

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat emas dan perak yang menjelaskan tentang pengertian, dalil, syarat wajib, kategori emas, nisab zakat emas, kaedah pengiraan zakat emas, nisab zakat perak dan kaedah pengiraan zakat perak.

### Pengertian Zakat Emas dan Perak

Emas dan perak adalah hasil bumi yang memberi manfaat sama ada dalam bentuk asal atau siap diproses. Syariat mengharuskan emas dan perak digunakan dalam bentuk wang dan perhiasan.

### Dalil Pensyariatan Zakat Emas Dan Perak

Emas dan perak adalah dua jenis harta yang disepakati kewajipan zakat ke atasnya dengan syarat-syarat tertentu.

Firman Allah S.W.T. :

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْأَذْهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرُوهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ  
( التوبه: 34 )

Mafhumya :

*“Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak tetapi tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”*

*(Al-Taubah: 34)*

Hadis Nabi S.A.W. :

مَأْمِنٌ صَاحِبُ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةً لَا يُؤْدِي مَنْهَا إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ صَفَّحَتْ لَهُ صَفَّافِيْجُ  
مِنْ نَارٍ، فَلَخِمَ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ، فَيُكَوَّى بِهَا جَبَّةٌ وَجَيْنَةٌ وَظَهْرَةٌ، كُلُّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ  
فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةً، حَتَّى يُقْضَى بَيْنَ الْعِبَادِ.  
(رواه مسلم)

Maksudnya :

*"Tidak ada seseorang yang mempunyai emas dan perak yang tidak menunaikan zakatnya, melainkan pada hari kiamat dijadikan hartanya itu beberapa keping api neraka. Setelah dipanaskan, digosokkan lambung, dahi, dan belakangnya, setiap kali ia sejuk dipanaskan semula, pada satu hari yang lamanya bersamaan 50 ribu tahun (di dunia) sehingga Allah menyelesaikan segala perkara yang berkaitan dengan hambaNya."*

*(Riwayat Muslim)*

### Syarat Wajib Zakat Emas dan Perak

- i. Islam
- ii. Milik sempurna
- iii. Cukup nisab
- iv. Genap haul

### Kategori Emas Yang Diwajibkan Zakat

#### i. Emas Yang Tidak Dipakai

Emas yang tidak dipakai bermaksud emas yang disimpan, tidak digunakan atau dipakai walaupun sekali dalam tempoh setahun samada dalam bentuk asal atau dijadikan perhiasan.

#### ii. Emas Perhiasan Wanita

Emas sama ada dipakai (sebagai perhiasan yang halal) sekali-sekala atau secara berterusan dalam tempoh setahun tidak

wajib dikeluarkan zakat ke atasnya. Walau bagaimanapun, jika ia melebihi ‘uruf (kebiasaan) maka wajib dikeluarkan zakat. Kadar yang diambil kira adalah berat emas yang melebihi uruf (tidak termasuk batu permata atau seumpamanya).

‘Uruf adalah merupakan had pemakaian setempat yang dibenarkan dan ‘uruf berbeza mengikut negeri.

**iii. Emas Sebagai Alat Pertukaran (Wang)**

Semua matawang yang berdasarkan emas dan perak diwajibkan zakat.

### Nisab dan Kadar Zakat Emas

Nisab dan kadar zakat emas adalah berdasarkan dalil berikut:

Hadis Nabi S.A.W. :

وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ شَيْءٌ يَعْنِي فِي الدَّهَبِ حَتَّى يَكُونَ لَكُمْ عِشْرُونَ دِينَارًا. فَإِذَا كَانَ لَكُمْ عِشْرُونَ، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ قَيْنِيَا نِصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فِي جِسَابٍ تِزَكَّى.  
(رواه أبو داود)

Maksudnya :

*“Tiada wajib atas engkau sesuatu (pada emas) sehingga engkau memiliki 20 dinar (85 gram). Apabila ada pada engkau 20 dinar dan cukup haul, maka wajiblah zakat padanya ½ dinar (2.5%) maka sekiranya lebih (dari 20 dinar), hendaklah dihisab menurut lebihannya itu (2.5%) daripada keseluruhaninya.”*

*(Riwayat Abu Daud)*

## Kaedah Pengiraan Zakat Emas

### i. Emas yang tidak dipakai

Zakat emas = Nilai emas x 2.5%

Contoh pengiraan:

Harga emas satu gram	=	RM80
Berat emas	=	100gm
Nilai emas	=	RM80 x 100 gm = RM8,000
Zakat emas	=	RM8,000 x 2.5% = RM200

### ii. Emas Perhiasan Wanita

Zakat emas = (Nilai emas – ‘uruf) x 2.5%

Contoh pengiraan:

Harga emas satu gram	=	RM80
Berat emas	=	200 gm
‘Uruf	=	120 gm
Emas yang wajib dizakatkan	=	200 gm – 120 gm = 80gm
Zakat emas	=	80gm x RM80 x 2.5%
	=	RM160

## Nisab Dan Kadar Zakat Perak

Ijma’ Ulama’ telah menetapkan nisab zakat perak sebanyak lima *auqiyah*. Satu *auqiyah* bersamaan 40 dirham ( $5 \times 40 = 200$  dirham) iaitu bersamaan 595 gram. [satu *auqiyah* = 119 gram]

## Kaedah Pengiraan Zakat Perak

Zakat Perak = Nilai perak x 2.5%

### Contoh Pengiraan Zakat Perak:

Harga perak satu gram	= RM5
Berat perak	= 1,000 gram
Zakat perak	= $RM5 \times 1,000 \text{ gram} \times 2.5\%$
	= RM125.

## PENUTUP

Emas dan perak merupakan bahan yang berharga dan banyak manfaatnya. Manusia telah menjadikannya wang dan nilai tukaran bagi segala sesuatu sejak berkurun lagi. Orang yang berkemampuan sahaja yang dapat memiliki emas dan perak. Islam menghendaki orang yang dianugerahkan rezeki yang lebih untuk membantu saudaranya yang tidak berkemampuan bagi menjalinkan ikatan persaudaraan umat Islam yang teguh.

## BAB 6

### ZAKAT PERTANIAN (PADI)



Firman Allah S.W.T.:

وَمَا أُمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنْفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُوا الزَّكُوَةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾  
(البقرة: 5)

Mafhumnya:

Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar.”

(Al-Bayyinah: 5]

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat pertanian yang menjelaskan tentang pengertian, dalil, syarat-syarat wajib, nisab, kadar dan kaedah pengiraannya.

## Pengertian

Zakat pertanian merupakan zakat hasil tanaman yang menjadi makanan asasi penduduk sesebuah negeri. Di Malaysia ini, dipersetujui bahawa makanan asasi utama ialah beras yang dihasilkan dari padi. Oleh itu, diwajibkan zakat ke atas hasil padi yang telah sempurna syarat-syarat tertentu.

## Dalil Pensyariatan Zakat Pertanian

Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آتَيْنَاكُمْ مِّنْ طَيْبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ  
( البقرة: 267 )

Mafhumnya :

*“ Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”*

(Al-Baqarah: 267)

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَاهَاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْلِفًا أَكْلَهُ  
وَالرَّيْثُونَ وَالرَّمَانَ مُتَشَابِهً وَغَيْرَ مُتَشَابِهٌ كُلُّوا مِنْ ثَمَرَهِ إِذَا أَنْتُمْ وَأَتُوا حَكَمَ يَوْمَ  
حَسَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ  
( الأنعام: 141 )

Mafhumnya :

*“Dan Dialah yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar (tanamannya) dan yang tidak menjalar, dan pohon-pohon kurma, dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya dan buah zaitun dan delima yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya dan janganlah kamu boros (pada apa juar yang kamu makan atau belanjakan), sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang boros.”*

(Al-An'am: 141)

### Syarat Wajib Zakat Pertanian

- i. Islam
- ii. Sempurna milik
- iii. Merdeka
- iv. Cukup Nisab
- v. Biji-bijian dan buah-buahan hendaklah ditanam oleh manusia

### Nisab Zakat Pertanian

Kadar nisab zakat padi ialah 363 gantang atau 1,300kg padi bersamaan dengan nilai RM715 (berubah dan tertakluk kepada harga semasa padi).

### Kadar Zakat Pertanian

Terdapat tiga kadar yang telah ditentukan oleh para ulama iaitu:

- i. Bagi tanaman yang dijaga dengan sumber percuma (seperti air hujan) maka kadarnya ialah 10%.

- ii. Bagi tanaman yang dijaga dengan sumber yang dibeli maka kadar zakatnya ialah 5%.
- iii. Bagi tanaman yang dijaga dengan menggunakan kedua-dua sumber di atas maka kadarnya ialah 7.5%.

### **Kaedah Pengiraan Zakat Pertanian**

Zakat Pertanian perlu ditaksir secara profesional untuk mengetahui lebih awal jumlah yang wajib dibayar oleh pembayar zakat serta hak yang boleh diterima oleh pemerintah (amil). Tujuannya ialah untuk menentukan nisab/hasil padi yang diwajibkan zakat.

#### **Contoh Pengiraan Zakat Pertanian:**

Seorang petani mendapat hasilnya bersamaan RM20,000 .

Harga jualan padi RM20,000

Anggaran Tolakan Kos

i. Kos baja/racun	RM 2,500
ii. Sewa (jika berkaitan)	RM 2,000
iii. Upah tenaga kerja/tuaian (mesin)	RM 3,500
iv. Pengangkutan (lori)	RM 500

Jumlah Tolakan **RM 8,500**

Baki (RM20,000 – RM8,500) = **RM11,500**

**Kadar Zakat ke atas tanaman (padi)**

RM11,500 X 10% = **RM 1,150**

**Jumlah Yang Perlu Dibayar** = **RM 1,150**

## **Penutup**

Hasil pertanian yang dikenakan zakat di Malaysia ialah padi. Padi yang diproses menjadi beras merupakan makanan asasi di Malaysia. Padi di utara Semenanjung Malaysia menjadi sumber pendapatan dan diusahakan samada sekali atau dua kali setahun. Kewajipan zakat padi adalah mengikut musim tuaian setelah mencukupi nisab tanpa perlu syarat ‘haul’.



## BAB 7

# ZAKAT BINATANG TERNAKAN



Firman Allah S.W.T.:

اللَّمْ يَعْلَمُو أَنَّ اللَّهَ هُوَ يَقْبِلُ التَّوْبَةَ عَنِ عِبَادِهِ وَيَأْخُذُ الصَّدَقَاتِ  
وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الثَّوَابُ الرَّحِيمُ

(التوبه: 104)

Mathumnya:

Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah Dialah yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya, dan juga menerima sedekah-sedekah, dan bahawa sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

(At-Taubah: 104)

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat binatang ternakan yang menjelaskan tentang pengertian, dalil, binatang ternakan yang wajib zakat, syarat-syarat wajib, kaedah pengiraan dan kaedah pengeluaran zakat.

## Pengertian

Zakat binatang ternakan ialah zakat yang diwajibkan ke atas binatang-binatang yang dipelihara iaitu lembu, kerbau, kambing, biri-biri, kibas dan unta apabila sempurna syarat-syaratnya.

## Dalil Pensyariatan Zakat Binatang Ternakan

عن معاذ بن جبل قال : يعثي رسول الله صلى الله عليه وسلم الى اليمن وأمرني أن أخذ من البقر من كل أربعين معة ومن كل ثلاثين تبعاً أو ثبعة .  
(رواوه ابن ماجه)

Maksudnya :

*“Daripada Muaz Ibnu Jabal, beliau berkata: Baginda Rasullullah S.A.W. telah mengutus aku ke Yaman dan beliau memerintahkan aku mengambil dari setiap 40 ekor lembu, satu ekor lembu musinnah (seekor lembu betina yang umurnya mencapai 3 tahun) dan tiap-tiap 30 ekor lembu, tabi’ atau tabiah (satu ekor lembu jantan atau betina yang mencapai umur 2 tahun).”*

*(Riwayat Ibnu Majah)*

## Binatang Ternakan Yang Wajib Zakat

Binatang ternakan yang wajib dikenakan zakat ialah:

- i. lembu (termasuk kerbau)
- ii. kambing (termasuk biri-biri) dan kibas
- iii. unta

### **Syarat Wajib Zakat Binatang Ternakan**

- i. Binatang dipelihara di padang ternakan bebas atau *Saaimah*;
- ii. Binatang dipelihara bukan bertujuan membantu kerja seperti lembu yang dipelihara untuk mengangkut barang-barang atau untuk membajak sawah;
- iii. Cukup Nisab (Nisab hendaklah berkekalan di sepanjang haul);  
dan
- iv. Cukup haul

### **Kaedah Pengiraan Zakat Lembu / Kerbau**

KADAR NISAB		KADAR ZAKAT	
Bilangan (ekor)	Bilangan	Jantina	Umur
30 - 39	1 ekor	Jantan	1 tahun lebih*
40 - 59	1 ekor	Betina	2 tahun lebih**
60 - 69	2 ekor	Jantan	1 tahun lebih*
70 - 79	1 ekor dan 1 ekor	Jantan  Betina	1 tahun lebih*  2 tahun lebih**
80 - 89	2 ekor	Betina	2 tahun lebih**
90 – 99	3 ekor	Jantan	1 tahun lebih*
100 – 109	1 ekor dan 2 ekor	Betina  Jantan	2 tahun lebih**  1 tahun lebih*
110 – 119	2 ekor dan 1 ekor	Betina  Jantan	2 tahun lebih**  1 tahun lebih*
120 – ke atas	3 ekor dan 3 ekor	Betina  Jantan	2 tahun lebih**  1 tahun lebih*

\* Tabi' : Lembu jantan berumur 1 tahun lebih.

\*\* Musinnah : Lembu betina berumur 2 tahun lebih.

### **Kaedah Pengeluaran Zakat Lembu / Kerbau**

1. Apabila bilangan itu lebih daripada yang dinyatakan di atas, maka bagi setiap 30 ekor lembu diwajibkan zakat satu ekor anak lembu jantan yang berumur satu tahun. Bagi setiap 40 ekor lembu diwajibkan zakat satu ekor anak lembu betina yang berumur dua tahun.
2. Jika ternakan bercampur, maka zakatnya terserah kepada pembayar sama ada mahu mengeluarkan zakat lembu/kerbau. Pilihlah yang sederhana atau boleh diganti dengan nilai harga bagi ternakan berkenaan untuk dikeluarkan zakat.

### **Kaedah Pengiraan Zakat Kambing / Biri-Biri**

<b>KADAR NISAB</b>		<b>KADAR ZAKAT</b>	
Bilangan (ekor)	Bilangan	Jantina	Umur
40 – 120	1 ekor kambing biri-biri atau 1 ekor kambing	Jantan/Betina	1 tahun
		Jantan/Betina	2 tahun
121 – 200	2 ekor kambing biri-biri atau 2 ekor kambing	Jantan/Betina	1 tahun
			2 tahun
201 – 399	3 ekor kambing biri-biri atau 3 ekor kambing	Jantan/Betina	1 tahun
		Jantan/Betina	2 tahun
Penambahan seterusnya: Tiap-tiap 100 ekor	1 ekor kambing biri-biri atau 1 ekor kambing	Jantan/Betina	1 tahun
		Jantan/Betina	2 tahun

## **Kaedah Pengeluaran Zakat Kambing / Biri-Biri**

1. Setiap pertambahan 100 ekor, zakatnya ditambahkan satu ekor kambing dua tahun dan seterusnya.
2. Jika semua kambing yang sampai nisab itu jantan maka harus dikeluarkan yang jantan sebagai zakat, tetapi apabila ada antaranya yang betina hendaklah sebahagian dari zakat yang dikeluarkan itu betina.
3. Jika bercampur kambing dan biri-biri serta beberapa jenisnya maka apabila cukup nisab, bolehlah dikeluarkan zakat mengikut pilihan tuannya sama ada kambing/ biri-biri atau diganti dengan nilai harga bagi ternakan berkenaan untuk dikeluarkan zakat.

## **Penutup**

Binatang ternakan telah diciptakan oleh Allah S.W.T. untuk kepentingan manusia. Antara lain ialah untuk ditunggangi, dimakan dagingnya, diminum susunya dan diambil bulu dan kulitnya. Oleh itu, bagi menunjukkan kesyukuran atas nikmat yang telah diberikan, wajarlah dikeluarkan zakat oleh penternaknya. Pengeluaran zakat ternakan akan membawa kepada keberkatan dan pertumbuhan ekonomi ummah.



## BAB 8

### ZAKAT CARUMAN BERKANUN



Firman Allah S.W.T.:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا وَأُوحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ  
الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكُوٰةِ وَكَانُوا لَنَا عَبْدِينَ

(Al-Anbiyaa: 73)

Mafhumnya:

Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin dengan perintah Kami, dan Kami wahikan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang, serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.

(Al-Anbiyaa: 73)

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat ke atas caruman berkanun seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) dan sebagainya.

## Pengertian

Wang KWSP, LTAT dan KWSG ialah wang caruman milik individu yang dicarum sepanjang tempoh perkhidmatan.

## Syarat Wajib

Syarat wajib zakatnya adalah sama dengan syarat wajib zakat pendapatan atau wang simpanan. Syarat ‘Sempurna Milik’ akan dipenuhi sebaik sahaja wang tersebut dikeluarkan. Oleh itu zakat diwajibkan setelah caruman tersebut dikeluarkan.

## Kaedah Pengiraan Zakat Caruman Berkanun

### 1. Kaedah Pertama

Zakat wajib dikeluarkan pada hari wang caruman diterima. Kadarnya adalah 2.5%.

Contoh:

Wang Caruman yang dikeluarkan daripada KWSP & LTAT	= RM40,000.00
Zakat yang dikenakan	= RM40,000.00 x 2.5%
	= RM1,000.00

### 2. Kaedah Kedua

Zakat wajib dikeluarkan apabila cukup haulnya iaitu setahun setelah penerimaannya berdasarkan Mazhab Syafiee.

**(Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke-5 yang bersidang pada 16-17 November 1982).**

Contoh:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah Wang Caruman di KWSP \& LTAT} &= \text{RM}10,000.00 \\ \text{Jumlah Zakat yang dikenakan} &= \text{RM}10,000.00 \times 2.5\% \\ &= \text{RM}250.00\end{aligned}$$

## **Penutup**

Caruman Berkanun seperti KWSP, LTAT dan KWSG merupakan satu skim simpanan sebahagian dari hasil gaji pekerja dan kemudian dicampur dengan sumbangan majikan. Wang caruman ini tidak boleh dikeluarkan sesuka hati kerana tujuan wang caruman adalah untuk pelaburan dan dimanfaatkan selepas persaraan. Zakatnya diwajibkan apabila dikeluarkan dan cukup nisab serta haulnya.



## BAB 9

### ZAKAT SAHAM DAN BON



Firman Allah S.W.T.:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَيْمَةً يَهُدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ  
الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكُوٰةِ وَكَانُوا لَنَا عَبْدِينَ  
٧٣  
(آل عمران: 277)

Mafhumnya:

Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal salih, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada keimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

(Al-Baqarah: 277)

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat saham dan bon yang menjelaskan tentang pengertian, syarat wajib, kaedah pengiraan dan contoh-contoh ditunjukkan bagi memudahkan pemahaman.

## Pengertian

Saham adalah wang modal yang dilaburkan dalam perniagaan sesebuah syarikat dan seumpamanya. Perniagaan saham dilaksanakan berpandukan harga saham dalam pasaran semasa bukan atas nilai saham asal semasa belian. Oleh itu, zakat dikenakan pada kadar nilai saham tersebut. Ketika mengira pendapatan tahunan hendaklah dikira saham itu sebagai harta tetap yang boleh membawa keuntungan seperti geran, cagaran atau kilang-kilang perusahaan iaitu:

- i. Saham merupakan wang yang dilaburkan dalam perniagaan. Pemilikan perniagaan terbukti melalui sijil-sijil saham atau saham dalam Central Depository System (CDS).
- ii. Bagi sijil-sijil saham dalam sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham, ia mudah untuk dijadikan wang tunai dibandingkan dengan saham dalam syarikat yang tidak disenaraikan di Bursa Saham atau saham dalam koperasi.
- iii. Saham yang dibeli daripada wang sendiri sahaja dikira manakala bahagian yang dibeli melalui pinjaman hendaklah ditolak jumlah pinjaman sebelum mengira jumlah zakat.

## Kaedah Pengiraan Zakat Saham

- i. Pemilik Saham boleh mengasingkan pengiraan zakat atas saham kepada dua kumpulan iaitu saham yang masih dimiliki di hujung haul dan saham-saham yang dijualbeli sepanjang haul.
- ii. Bagi saham-saham yang masih dimiliki selepas cukup haul, maka pengiraan zakat ialah 2.5% atas harga terendah antara harga pasaran dan harga belian.

Contoh:-

Harga Belian = RM1.00 (seunit), Harga Pasaran = RM2.00 (seunit)	
Jumlah saham yang dimiliki	= 200 lot [1 lot = 1000 unit]
Jumlah unit yang dimiliki	= 200,000
Jumlah yang dikenakan zakat	= RM1.00 x 200,000
	= RM200,000 x 2.5%
Zakat yang dikenakan	= RM5,000

Bagi saham yang dijual beli sepanjang haul maka zakatnya dikira 2.5% atas nilai jualan saham-saham tersebut setelah ditolak kos pembelian dan melebihi nisab.

Contoh:

Jumlah nilai jualan saham – kos belian

RM 500,000 – RM 400,000	= RM100,000
Zakat yang dikenakan	= RM100,000 x 2.5%
	= RM 2,500

Ringkasnya, zakat saham yang masih dalam simpanan dikira antara nilai kos belian atau pasaran (mana yang lebih rendah) dan zakat atas saham-saham yang dijual beli sepanjang tahun dikira atas keuntungan jual beli saham tersebut.

## Pengertian Bon

Bon merupakan pinjaman untuk tempoh tertentu dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Ia merupakan harta berbentuk matawang yang diberikan kepada syarikat/kerajaan dan ia merupakan satu pinjaman berkala. Sebagai balasan ia mendapat dividen dalam bentuk wang dari harta yang diberikan itu. Ia merupakan hutang syarikat dan tidak ada mudharabah dan tidak terdedah kepada untung dan rugi kerana bon menggunakan kaedah jaminan dari syarikat iaitu nilai bon atau sekuriti itu akan diterima sepenuhnya apabila berakhir tempoh hutang atau bila syarikat itu bubar atau sampai tempoh matang.

### Bentuk Bon terbahagi kepada dua :

(a) **Bon jangka pendek**

Bon yang dimiliki oleh seseorang atau syarikat dalam jangka pendek. Bon ini merupakan harta yang wajib dibayar zakat mengikut hukum dan cara pembayaran zakat bagi hutang.

(b) **Bon jangka panjang**

Bon yang dimiliki oleh seseorang atau syarikat dalam jangka panjang. Bon ini hanya diwajibkan zakat apabila sampai tempoh masa matang.

Bon yang dimiliki oleh seseorang atau syarikat sama ada jangka panjang atau pendek adalah suatu bentuk harta yang wajib dibayar zakatnya. Bagi menunaikan zakatnya hendaklah mengikut hukum dan cara pembayaran zakat bagi hutang.

### Kaedah Pengiraan Zakat Bon

$$\begin{aligned}\text{Nilai bon} &= \text{RM}20,000 \\ \text{Zakat} &= \text{RM}20,000 \times 2.5\% \\ &= \text{RM}500\end{aligned}$$

Bagi keuntungan ke atas bon, ianya dikira sebagai lain-lain pendapatan untuk zakat pendapatan.

Bagi syarikat yang telah mengeluarkan zakat atas pemegang saham maka tidak wajib zakat untuk mengelakkan berlakunya pembayaran zakat dua kali.

### Penutup

Saham dan bon yang diniagakan adalah tertakluk kepada zakat kerana ianya termasuk dalam harta yang berkembang dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi pemilik / pemegangnya dan umat Islam.

## BAB 10

# ZAKAT HASIL GALIAN DAN HARTA KARUN



Firman Allah S.W.T.:

الَّذِينَ إِنْ مَكَنُنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِنَّا نُؤْكِدُ عَلَيْهِمْ أَنَّمَا كُوَافِرُهُمْ  
بِمَا لَمْ يَعْرُفُ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِصْبَةُ الْأُمُورِ

(الحج: ٤١)

Mafhumnya:

Iaitu mereka yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan perkara yang mungkar. Dan ingatlah bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

(Al-Hajj: 41)

## Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai zakat hasil galian yang menjelaskan tentang pengertian, dalil, syarat wajib dan kadar nisab dan kaedah pengiraannya.

## Pengertian Hasil Galian

Hasil galian bermaksud segala hasil yang diperolehi daripada perut bumi. Ia boleh dibahagikan kepada;

- i. Ma'adin iaitu segala galian yang diperolehi dari perut bumi sama ada beku atau cair di darat atau di laut (contoh: emas, perak dan bijih timah).
- ii. Kunuz iaitu harta yang tersimpan di dalam bumi (contoh: harta karun).
- iii. Rikaz iaitu harta benda yang tersimpan di dalam bumi dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan ia tersimpan sebelum kedatangan Islam.

## Dalil Pensyaritan Hasil Galian

Firman Allah S.W.T. :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أُنْفُوْا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ  
(البقرة: 267)

Mafhumnya :

*“Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.”*

(Al-Baqarah: 267)

## Syarat Wajib Hasil Galian

Jumhur Ulama' berpendapat galian dikenakan zakat apabila cukup nisab iaitu melebihi nilai semasa bagi 85 gram emas.

## Kadar Zakat Hasil Galian

Kadar zakat bagi bahan galian ialah sebanyak 2.5% manakala kadar zakat Kunuz dan Rikaz sebanyak 20% setelah diambilkira kos membiayai operasi penggaliannya.

## Kaedah Pengiraan Zakat Hasil Galian

Zakat hasil galian wajib diambilkira berdasarkan nilai yang diperolehi daripada harta yang telah siap diproses dan zakatnya adalah sebanyak 2.5%.

### Contoh Pengiraan:

Pengeluaran bersih bagi petroleum yang telah ditolak kos pengeluaran dan kos sampingan ialah sebanyak RM1,000.000.00

Bahan Galian	Kiraan Zakat
Petroleum (yang telah dibersihkan)	RM1,000,000 X 2.5% = RM 25,000

## Penutup

Bahan galian merupakan ciptaan dan anugerah Allah S.W.T. kepada hambanya yang dikeluarkan dari perut bumi. Hasil galian ini wajar dikongsi bersama dalam bentuk pengeluaran zakat demi memakmur dan memajukan ummah.



 DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2008  
www.printnasional.com.my  
email: cservice@printnasional.com.my  
**PNMB** Tel: 03-92366888 Faks: 03-92224773



*[www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)*



**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 7, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**  
Tel: 603-88837400, Faks: 603-88837406  
e-mel: [pejabatam@jawhar.gov.my](mailto:pejabatam@jawhar.gov.my)